

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 APRIL 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tubuh Pusat Media Sains	Utusan Malaysia
2.	Manfaatkan Teknologi Nuklear	Utusan Malaysia
3.	Baja King	Utusan Malaysia
4.	Starting the year aggressively	The Star
5.	Allahyarham JJ dalam ingatan	Utusan Malaysia
6.	Jamaluddin insan pemurah	Utusan Malaysia
7.	Jamaluddin Jarjis, daripada ahli akademik kepada diplomat hebat	BERNAMA
8.	Jamaluddin made a difference, says Muhyiddin	New Straits Times
9.	Jamaluddin laid to rest	New Straits Times
10.	VIPs and ordinary folks attend Jamaluddin's funeral	The Star
11.	TNB needs to conserve water dam for the dry season	The Star

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 8 & 9

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

Tubuh Pusat Media Sains

ISU pengajaran dan pembelajaran dalam bidang sains sering kali menjadi perhatian terutamanya dalam kalangan anak muda kerana beranggapan subjek tersebut sukar difahami.

Keengganan kebanyakan pelajar memilih pengkhususan sains ketika berada di Tingkatan Empat meningkat sejak kerajaan memperkasakan subjek tersebut dalam bahasa Inggeris.

Alasan yang sering diutarakan oleh pelajar adalah mereka tidak faham, malah mereka terasa terbeban dengan istilah-istilah yang digunakan.



DR. EWON EBIN

Sebelum ini terdapat satu kajian oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Isahak Haron dan kumpulan penyelidik dari Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) sekali lagi terbukti tidak membawa manfaat ketara terhadap pembelajaran Sains, Matematik mahupun subjek bahasa Inggeris sendiri.

Kajian pertama dalam kohort 2007 dan 2008 diterbitkan dalam April 2008, kajian terbaru pula

ialah meneruskan kajian yang sama bagi tiga kohort lagi iaitu Februari, Ogos 2009 dan Julai 2010, bagi kumpulan pelajar Tahun 5 dan Tingkatan 2.

Dapatan kajian tiga kohort terbaharu itu adalah konsisten atau hampir sama dengan dapatan dalam laporan 2008 itu.

Ini menunjukkan PPSMI memberi kesan negatif kepada pembelajaran Matematik dan Sains pelajar sekolah rendah dan menengah.

Malah, lebih meresahkan pelajar ketika itu apabila terdapatnya jurang komunikasi antara pelajar dan golongan pakar seperti saintis untuk berhujah dan memberi penerangan yang jelas terhadap sesuatu isu berkaitan sains.

Atas kepentingan sains untuk



DR. EWON EBIN beramah mesra dengan peserta Bengkel Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Saintis Muda, di ibu negara baru-baru ini.



masa hadapan serta dalam usaha melahirkan lebih ramai saintis muda, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Dr. Ewon Ebin** baru-baru ini mencadangkan agar Pusat Media Sains (PMS) diwujudkan di negara ini bagi merapatkan jurang komunikasi antara golongan saintis dan orang awam.

Beliau berkata, dengan adanya PMS, pengamal media dan saintis dapat bekerjasama dalam menyampaikan maklumat saintifik secara lebih berkesan serta mudah difahami.

"Sesetengah isu seperti wabak penyakit, kesan pemanasan global terhadap kesihatan dan pertanian perlu pendekatan sistematik dan mudah, tetapi maklumat itu biasanya disampaikan menggunakan istilah yang sukar difahami.

"Salah satu pendekatan yang

dipraktikkan oleh negara membangun seperti United Kingdom, Australia, Kanada adalah membentuk *Science Media Centre*, maka Malaysia juga perlu ada pusat itu," katanya selepas merasmikan Bengkel Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Saintis Muda Tentang Komunikasi Sains Berkesan Abad Ke-21 di ibu negara baru-baru ini.

Jelasnya, melalui langkah itu, orang ramai lebih mudah menerima sesuatu ilmu sains melalui pendekatan atau istilah yang lebih mesra dan mudah difahami.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Urusan Akademi Sains Malaysia (ASM), **Hazami Habib** berkata, bengkel selama dua hari anjuran bersama Akademi Sains Malaysia (ASM), Rangkaian Saintis Muda ASM dan APEC, disertai 85 saintis

muda daripada negara anggota APEC tersebut bagi mengumpul sebanyak mungkin maklumat berkaitan sains komunikasi daripada semua peserta negara anggota APEC untuk dijadikan resolusi.

"Peserta akan diberi tugas untuk dilaksanakan di negara masing-masing dan selepas enam bulan mereka akan bentangkan hasil tugas itu pada September nanti di sini," katanya.

Hazami berkata, antara tajuk tugas yang boleh dipilih oleh peserta ialah Sains dan Media, Sains dan Pembuat Dasar, Sains dan Kesedaran Awam dan Sains dan Ekonomi.

"Diharapkan bengkel ini dapat menghasilkan pakar-pakar sains komunikasi dan menyediakan asas kukuh bagi kerjaya sains komunikasi," katanya.

ISNIN 06.04.15

UTUSAN MALAYSIA

Sains
@com

BIOALPHA
INTAI
PELUANG
PERLUAS
PERNIAGAAN
»8



Di sebalik
momokan
bahawa teknologi
ini dikatakan
bahaya,
penyelidikan
oleh Agensi
Nuklear Malaysia
membuktikan
sebaliknya

**MANFAATKAN
TEKNOLOGI
NUKLEAR**





NUR AQILAH SAPIEE menunjukkan serbuk yang digunakan untuk menyaluti MyStone.



Pelbagai aplikasi teknologi nuklear

Nuklear Malaysia buktikan kemampuan penyelidikannya hasilkan inovasi

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com.my



AGENSI Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) atau dahulunya lebih dikenali Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia

(MINT) merupakan sebuah agensi Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) yang dipertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan teknologi nuklear dan yang berkaitan dengannya.

Teknologi nuklear seakan menjadi stigma dalam kalangan masyarakat kerana sering mengaitkan nuklear dengan bom atau senjata berbahaya.

Sedangkan ramai masih belum memahami dan mengetahui nuklear sebenarnya memberi banyak manfaat kepada manusia dalam bidang pertanian, makanan, perubatan dan sebagainya.

Nuklear Malaysia sebagai contoh, giat mempromosi dan menjalankan penyelidikan menghasilkan pelbagai inovasi untuk faedah masyarakat dan sebahagian besarnya telah pun dikomersialkan.

Meneruskan kesinambungan itu, agensi tersebut telah menghasilkan pelbagai inovasi melalui kajian dan teknologi yang menjadi tujahan utama (*niche area*) untuk

kegunaan masyarakat umum.

Terbaharu, barisan penyelidikannya berjaya menghasilkan beberapa inovasi yang boleh dimanfaatkan untuk masyarakat serta memenangi pelbagai anugerah sama ada dalam mahupun luar negara.

Antara produk inovasi yang dihasilkan adalah plastik pembungkus antimikrob, salutan pengasingan haba dan MyStone.

Inovasi plastik pembungkus anti kulat ciptaan Dr. Zulkafli Ghazali bersama dua lagi pegawainya iaitu Norazwin Shukri dan Nor Azillah Fatimah adalah bagi memastikan jangka hayat makanan yang dibungkus dapat bertahan dengan lebih lama tanpa perlu menggunakan bahan pengawet.

Jelas Dr. Zulkafli, inovasi tersebut dihasilkan menggunakan teknologi polimer cangkuk dengan memasukkan bahan pengawet ke dalam lapisan filem plastik dan bukannya makanan.

"Menerusi rekaan ini, makanan bukan sahaja mampu bertahan lebih lama, malah lebih selamat dimakan kerana kadar bahan awet dapat dikurangkan," katanya ketika di temui di Bangi, Selangor baru-baru ini.

SEORANG penyelidik menunjukkan cara menghasilkan plastik antimikrob.



PEGAWAI Penyelidik, Nur Aqilah Sapiee, (kiri), dan Khaironie Mohamed Takip, menunjukkan pingat yang diterima.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 7 TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

Tambah Dr. Zulkafli, isu pembaziran makanan yang ada kini tidak begitu menitikberatkan soal ketahanan makanan, sekali gus menyebabkan jangka hayat makanan amat pendek.

"Jika jangka hayat makanan dapat dipanjangkan, keadaan tersebut bukan sahaja dapat menjimatkan makanan malah dapat memperbaiki perkhidmatan penghantaran makanan tersebut," ujarnya.

Sebagai contoh, produk makanan seperti roti yang memiliki jangka hayat yang sangat pendek amat sesuai dibungkus menggunakan plastik antimikrob itu.

Menerusi kajian yang dilakukan, roti yang dibungkus menggunakan plastik tersebut mampu bertahan lebih tujuh hari daripada tempoh jangka hayat sedia ada.

Untuk menghasilkan plastik antimikrob tersebut, Dr. Zulkafli menggunakan lapisan plastik biasa lalu direndam bersama bahan pengawet yang ingin digunakan sebelum menggunakan sinaran khas untuk memastikan bahan pengawet terikat bersama plastik.

Selain mematikan mikroba, plastik tersebut mampu mengekalkan kelembapan makanan yang dibungkus dan mengelak kemasukan oksigen.

Membelanjakan hampir RM5,000 setahun untuk kajian selama tiga tahun, akhirnya inovasi itu kini sedia untuk dipasarkan.

Mereka menasarkannya industri berkaitan roti dan pastri terlebih dahulu kerana ia dilihat lebih memerlukan pembungkusan khas seperti yang dihasilkan.

Seterusnya adalah inovasi lapisan pengasingan atau penebat haba yang dihasilkan daripada sisa bahan buangan terdajual dari industri pembuatan produk aluminium oleh **Khaironie Mohamed Takip** dan Nur Aqilah Sapiee.

Merupakan sejenis serbuk yang boleh digunakan sebagai cat atau lapisan (*coating*) bagi penebat haba, inovasi itu dilihat dapat menyelesaikan masalah lambakan bahan buangan sampingan daripada industri aluminium.

Menurut Khaironie, bahan buangan terdajual daripada industri aluminium jika tidak dilupuskan dengan cara yang betul akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

"Bagaimanapun untuk melupuskannya, pihak industri terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi menyebabkan ramai dalam kalangan mereka mengambil jalan mudah dengan membuang bahan tersebut begitu sahaja.

"Bahan buangan ini menimbulkan masalah kepada alam sekitar kerana siasa tersebut mampu bertindak balas dengan air hujan dan membebaskan gas amonia yang beracun," katanya.

Untuk menghasilkannya, bahan buangan tersebut akan dikumpulkan sebelum dicuci dengan air biasa dan dipanaskan pada takat suhu yang sangat tinggi, iaitu sekitar 1,300 darjah Celsius selama tiga jam.

Setelah itu, bahan tersebut dibiarkan menyejuk sebelum dikisar halus sehingga ke tahap bersaiz nano untuk menstabilkannya.

Kemudian serbuk yang telah dikisar boleh dicampurkan bersama cat sebanyak 15 peratus untuk dijadikan lapisan atau saduran pada permukaan yang tidak rata sebagai bahan penebat



DR. ZULKAFLI GHAZALI, bersama penyelidik **Nor Azwin Shukri** (kiri) dan **Nor Azillah Fatimah Othman**, berjaya meraih pingat perak bagi projek pembungkusan antimikrob dalam Ekspo Teknologi Malaysia (MTE).



PROJEK MYStone antara bukti kejayaan **Nuklear Malaysia**.

Info produk inovasi:

Plastik pembungkus anti kulat

- Mesra alam.
- Kos rendah.
- Makanan mampu bertahan tujuh hari lebih lama berbanding biasa.
- Dibangun menggunakan sistem polimer cangkuk.

Salutan penebat haba

- Dihasilkan daripada bahan terbuang (*waste to wealth*).
- Kos rendah.
- Mesra alam.
- Efektif.
- Pelbagai guna.

MyStone

- Mesra alam.
- Kos rendah.
- Efektif.
- Pelbagai guna.

haba.

Ujar Khaironie, produk tersebut mendapat perhatian beberapa pihak yang berminat dan akan dikomersialkan dalam jangka masa terdekat.

Selain dapat menyelamatkan alam sekitar daripada tercemar, penghasilannya juga adalah sifar bahan buangan kerana 100 peratus bahan buangan aluminium digunakan sepenuhnya.

Terakhir adalah inovasi yang dikenali sebagai **MyStone** yang merupakan teknologi nano iaitu sintetik *rutile* yang digunakan kepada batu oleh pegawai penyelidik Nursaidatul Syafadillah Kamaruzaman dan Nurul Azra Bakaruddin.

Kajian yang dilaksanakan pada tahun 2008 menghasilkan produk bio yang dikenali sebagai sintetik *rutile* (FeTiO_3).

Produk tersebut merupakan amang daripada bijih timah dan dihasilkan menerusi proses hidroterma dan produk akhirnya adalah serbuk nano titania.

Serbuk tersebut digunakan sebagai

cat atau lapisan ke atas batu untuk membersihkan air di dalam akuarium atau perhiasan yang berkaitan.

Jelas Nursaidatul Syafadillah, lapisan yang dicat pada batu akan bertindak balas dengan kehadiran cahaya (penggalak foto) seterusnya menjadi radikal bebas yang dapat membersihkan air.

"Produk ini merupakan inovasi pembersihan secara automatik (*self cleaning*) yang boleh digunakan secara meluas dalam akuarium terutamanya industri ikan hiasan.

"Inovasi ini mampu bertahan selama 40 hari tanpa perlu membersihkan akuarium, tanpa penggunaan penapis, antibakteria, antialga dan kulat selain tidak memiliki sebarang kesan sampingan terhadap ikan yang diperlihara mahupun manusia," katanya.

Selain industri ikan hiasan, inovasi itu juga boleh digunakan untuk memastikan kolam renang sentiasa bersih dengan mengecatnya pada bahagian pada jubin lantai dan dinding kolam.

Dalam pada itu, katanya, produk tersebut merupakan inovasi yang berkos rendah kerana bahan mentah iaitu amang timah tersebut hanya berharga RM8 sekilogram (kg).

Reakan itu telah dipatenkan dan sedang dalam proses untuk dikomersialkan.

Kejayaan pegawai-pegawai penyelidik agensi tersebut menghasilkan inovasi yang boleh diketengahkan kepada masyarakat umum membuktikan Nuklear Malaysia tidak hanya tertumpu kepada penyelidikan nuklear semata-mata.

Aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan dilihat dapat menyumbang kepada penajanaan pendapatan negara menerusi inovasi yang dihasilkan.

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



Baja King

Gelaran yang sesuai untuk Muhamad Nazri
yang tekun membangun jenama Bacto-10

KE mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi. Dibesarkan dalam kalangan keluarga berlatarbelakangkan Felda tidak menolak jolokan gelaran Baja King dan Tauke Baja yang diterima oleh **Muhamad Nazri Lokman** membawa tuah sekali gus mengubah persepsinya terhadap bidang pertanian.

Siapa sangka, walaupun menerima pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang akauntan, namun nalurinya yang begitu dekat dengan bidang pertanian membuka lembaran baharu dalam hidup Muhamad Nazri.

Naluri itu membuka laluan untuknya



**MUHAMAD NAZRI
LOKMAN**

Berbekalkan niat untuk membantu petani meningkatkan hasil dan seterusnya pengguna dapat mengambil makanan yang selamat menggunakan elemen organik, telah memberi idea kepada Ketua Pegawai Eksekutif PhytoGold Sdn. Bhd. menghasilkan produk baja bio cecair, Bacto-10 yang mengandungi mikroorganisma bukan patogen yang dipencilkan (diasingkan) daripada akar kelapa sawit dan herba.

Beliau yang masih berjinak-jinak dalam industri ini sejak terlibat dengan program Simbiosis UPM-Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) pada 2010 tidak mengambil masa yang lama untuk memanfaatkan bioteknologi untuk pertanian.

Dek kerana minat yang mendalam walaupun perlu berhadapan pelbagai rintangan, Muhamad Nazri tidak patah semangat dalam merealisasikan impian menjadi usahawan pertanian.

Cabaran tersebut antara lain termasuk mencari modal sendiri untuk memulakan perniagaan.

"Pada fasa awal operasi, beberapa strategi dirangka bagi mengatasi masalah kekurangan modal sedangkan pada masa sama permintaan daripada pasaran perlu dipenuhi.

"Oleh itu, saya mengambil deposit (wang pendahuluan) dahulu daripada pembeli untuk memastikan kami dapat membeli

berbakti dan menghasilkan produk yang dapat membantu memperbaiki kehidupan petani. Produk tersebut juga membantu sektor pertanian dengan memastikan struktur tanah tetap terpelihara tanpa penggunaan bahan kimia.



KAKITANGAN PhytoGold, Muhamad Sabri Daud menjalankan kerja mengenal pasti bakteria baik dalam makmal di Bandar Baru Bangi, Selangor.

bahan mentah dan menyewa alatan untuk menghasilkan produk," katanya yang ditemui baru-baru ini.

Walaupun menyedari konsep perniagaan seperti itu amat bagus kerana dibimbing oleh pihak yang pakar mengenai pengkomersialan teknologi seperti UPM dan MTDC, namun beliau perlu berusaha mencari kejayaan.

Ini kerana, beliau berpendapat, untuk berjaya dalam suatu bidang, usaha berterusan perlu ada dan bersedia menghadapi

rintangan.

"Sebagai contoh, pada mulanya saya berfikir bahawa baja berasaskan bioteknologi ini untuk semua petani tetapi MTDC memberitahu supaya segmenkan petani itu sendiri dan akhirnya saya memahami apa yang dimaksudkan oleh syarikat agensi berkenaan," jelasnya.

Menyedari potensi perniagaan yang diusahakan amat besar dan mampu dikembangkan ke satu fasa yang lebih tinggi, Muhamad Nazri yakin usahanya bakal menemukan kejayaan.

Apatah lagi, ketika ini begitu banyak kajian dihasilkan oleh universiti dan institusi

**MUHAMAD NAZRI
memperagakan
Bacto-10 keluaran
syarikatnya.**



penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Lembaga Koko Malaysia (LKM) menjadi penguat untuknya agar tidak mudah berputus asa.

Malah berbekalkan kelebihan itu, beliau perlu lebih peka serta bersemangat untuk memberi pendedahan dan mendidik petani tentang penggunaan baja yang mampu meningkatkan sehingga 30 peratus hasil serta mengurangkan kos sehingga 60 peratus.

Katanya, kandungan udara atmosfera menunjukkan kira-kira 78 peratus adalah nitrogen dan tidak dapat digunakan oleh tumbuhan melainkan ia terlebih dahulu diikat oleh bakteria tertentu.

Jika diperhatikan penggunaan baja seperti urea atau kompos, kandungan nitrogennya tidak dapat ditentukan.

Dengan itu, jenis bakteria yang terdapat dalam baja tersebut juga tidak dapat dikenal pasti.

Ini berbeza dengan baja yang dihasilkan secara semula jadi yang turut mengandungi pelbagai bakteria dan menyebabkan hampir 50 peratus kandungan baja tidak dapat diserap oleh pokok.

Sebaliknya, melalui hasil kajian pada akar kelapa sawit, ia mampu menghadamkan fosfat dan ditukar kepada bentuk yang lebih mudah untuk diambil atau diserap oleh pokok.

Meskipun usia perniagaannya baharu mencecah lima tahun, namun maklum balas yang diterima setakat ini bukan sahaja amat memuaskan malah sudah mempunyai pelanggan tetap.

Selain itu, beberapa pihakya bercadang mempromosikan produknya ke pasaran luar negara seperti Indonesia.

Tidak berhenti di situ sahaja, bak kata pepatah nak seribu daya, tak nak seribu dalih, beliau dan rakan kongsinya telah berbincang untuk melaksanakan beberapa perancangan pada masa akan datang.

Perancangan tersebut penting bertujuan mengembangkan lagi perniagaan termasuk menambah produk yang menjadi penyelesaian kepada petani yang berasaskan bioteknologi seperti kawalan serangga dan kawalan kulat.

"Justeru, kami sedang giat mencari teknologi berkaitan yang ada di universiti dan institusi penyelidikan untuk menjalinkan kerjasama," ujarnya.

Dalam pada itu, aktiviti turun padang untuk bertemu pengamal pertanian bagi menerangkan kebaikan Bacto-10™ akan dipergiatkan.

Beberapa tapak percubaan tanaman juga telah dan sedang dijalankan untuk membuktikan keberkesanan yang ada pada produk ini dan menunjukkan hasil yang sangat memberangsangkan.

Malah, PhytoGold juga menyertai beberapa pameran yang berkaitan seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA), Bio-Malaysia, Bio-Johor dan i-Innova.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (STARMETRO) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

Coming soon:
 New products
 in Panasonic's
 beauty and
 oral care line
 are expected
 to be launched
 within the year.



Starting the year aggressively

Japanese company unveils
 wide range of new products

By **KELLY TEY**
 kellytey@thestar.com.my
 Photos by **IBRAHIM MOHTAR**



PANASONIC Malaysia recently introduced a range of new products to its already comprehensive catalogue for this year.

The new products include 4K TVs, speaker systems, refrigerators, washing machines and ceiling fans.

The company said the launch was in line with the company's direction to further enhance Panasonic's global slogan, "A Better Life, A Better World".

Panasonic Malaysia managing director Yosuke Matsunaga said, "This launch event called 'Enriching The Lives of Malaysian Families' is

a mark of our commitment to complete the lives of local families.

"Through it, our mission is to provide more innovative products and solutions that lead to healthier and more comfortable lifestyles."

The 4K TV range will see five more models, each with better features, joining the existing four.

"The market has observed a drastic increase in demand for 4K Ultra High-Definition TVs over the past few years,

"Hence this year, we are looking to tap into this area of business and grow it," said Panasonic Malaysia consumer marketing and customer service director Takaaki Uehara.

Uehara added that in the audio and video categories, more products under the Viera TV brand, home theatre systems, video players and Lumix cameras that can handle the 4K ultra-high definition standard.



Features to be enhanced: In 2015, the 4K TV range will see five more models to its existing four, each with new progress in its features.



On a mission: (From left) Uehara, Panasonic Appliances Marketing Asia Pacific managing director Yuji Majima, Matsunaga and Panasonic Malaysia deputy managing director Cheng Chee Chung at the 'Enriching The Lives of Malaysian Families' product launch in Wisma Panasonic, Petaling Jaya.

"The experience of users is everything, and that is what our new products are striving to enhance," he said.

Panasonic also introduced two side-by-side models of refrigerators

with inverter and non-inverter features, both having twin cooling systems that can function independently of another.

In terms of washing machines, the front-load and top-load rang-

es each have four new models with upgraded features such as Panasonic's Econavi technology for efficient use of energy and water.

The complete lineup of the refrigerators and washers stand at 22 and 21 respectively.

For fans, three new Econavi models join the current nine, all of which have achieved the 5-star minimum energy performance standard from Malaysia's standards body **Sirim**.

The company says the fans include enhanced safety features and the Panasonic's "Yuragi" natural breeze feature.

Panasonic's beauty and oral care line are also expected to see new product offerings within the year.

To promote its new products for the year, Uehara said the company has allocated RM10mil for key marketing activities.

"We will be pursuing advertising and promotion activities very aggressively in order promote our new product lineup," he stated.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)



ALLAHYARHAM Dr. Jamaludin Jarjis (tengah) semasa mengikuti pelancaran Measat-3 pada Disember 2006.

Allahyarham JJ dalam ingatan

TIDAK dinafikan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) meningkat hasil usaha yang dilakukan oleh Allahyarham Jamaludin Jarjis atau lebih dikenali sebagai JJ. Paling diingati tentunya baju Melayu yang dipakai ketika Allahyarham memperkenalkan dirinya kepada Presiden Barack Obama pada majlis penyerahan watak sebagai pelantikannya sebagai Duta Besar Malaysia di AS pada 4 November 2009.

Bagi rakan-rakan media, mereka sudah pasti mempunyai pengalaman tersendiri ketika membuat liputan berkaitan Allahyarham di dalam atau di luar negara, sama ada sebagai Ahli Parlimen, menteri Kabinet dan juga sebagai Duta AS.

Saya juga pernah membuat liputan berkaitan program yang dihadiri Allahyarham termasuk di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan pada Disember 2006. Ketika itu Allahyarham sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dijemput menyaksikan pelancaran Satelit Asia Timur Malaysia Ketiga atau Measat-3. Dalam satu majlis meraikan kejayaan pelancaran itu, beliau menekankan tentang kesunggu-

han kerajaan dalam bidang angkasa dengan tertubuhnya **Agensi Angkasa Negara**. Pelancaran Measat-3 baginya memberi lonjakan dalam bidang industri komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) di Malaysia.

Turut dalam ingatan penulis ketika Allahyarham sebagai Duta AS bersama Perdana Menteri, Najib Tun Razak hadir pada Sidang Kemuncak ASEAN di Bali pada November 2011. Dalam satu sidang akhbar, beliau bertanyakan sama ada wartawan mendapat audio ucapan Obama semasa bertemu Najib sebelum itu. Bagi Allahyarham, ucapan Obama amat baik dan perlu diberi perhatian. Apabila diberitahu, audio tidak jelas disebabkan kedudukan wartawan agak jauh daripada dua pemimpin itu, Allahyarham terus menghubungi Kedutaan AS supaya mengeluarkan audio itu untuk wartawan Malaysia. Akhirnya audio itu diperoleh melalui Kedutaan AS di Kuala Lumpur. Begitulah serba sedikit pengalaman penulis mengenai Allahyarham.

Takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga arwah ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

Jamaludin insan pemurah

KUALA LUMPUR 5 April -

Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis disifatkan sebagai seorang yang pemurah dan banyak membantu mereka yang dalam kesusahan ketika hayat beliau.

Berkongsi pengalaman, bekas wartawan *Utusan Malaysia*, Syahril A. Kadir, 39, berkata, dia kali pertama bertemu Ahli Parlimen Rompin itu, selepas melaporkan kejadian gempa bumi di Pulau Nias, Sumatera, 10 tahun lalu.

Katanya, sewaktu melaporkan bencana itu, dia ada menulis mengenai keinginan anak yatim bernama Mahathir dari Panti Asuhan Al-Wasliyah untuk bertemu dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Allahyarham yang merupakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ketika itu antara yang membantu merealisasikan impian kanak-kanak tersebut dengan membawanya berjumpa Dr. Mahathir di Kuala Lumpur.

"Sejak itu, setiap tahun Allahyarham tidak akan lupa memberikan zakat peribadi kepada anak-anak yatim di Pulau Nias.

"Malah, Allahyarham meminta saya tidak memaklumkan kepada sesiapa mengenai perkara ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



Jamaluddin Jarjis, Daripada Ahli Akademik Kepada Diplomat Hebat



Oleh Nurazira Rashid

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis, yang terkorban dalam nahas helikopter di Kampung Sungai Pening, Semenyih dekat sini petang Sabtu, adalah seorang insan yang memiliki pelbagai bakat istimewa.

Anggota Parlimen Rompin itu, yang akan mencapai usia 64 tahun pada 25 Mei ini, memulakan dunia kerjayanya dengan menjadi tenaga pengajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1974 selepas memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kelas Pertama dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik dari University of Manchester, United Kingdom.

Dua tahun kemudian, Allahyham memperoleh Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari University of Manitoba, Kanada dan pada 1980, beliau menamatkan pengajian doktor falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa) dari University of McGill, Kanada.

Selepas enam tahun menabur bakti dalam bidang akademik, pada 1981 Allahyarham berundur untuk menubuhkan sebuah firma perunding yang membuat pengkhususan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan mekanikal dikenali sebagai J&A Associates.

Pada 1986, Allahyarham membeli EPE Power Corporation Berhad dan menyandang jawatan naib pengerusi eksekutifnya sebelum berundur pada 3 Ogos 2000, sehari sebelum dilantik sebagai timbalan pengerusi Tenaga Nasional Berhad, dan selepas itu dilantik sebagai pengerusi TNB pada September 2000.

Dalam arena politik, Allahyarham Jamaluddin memulakan langkahnya dengan menjadi anggota UMNO Kampung Mengkasar di Pekan pada 1980 dan menyandang jawatan Ketua Pemuda.

Lima tahun kemudian, Allahyarham dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO Pekan dan pada 1988 sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO Pahang dan anggota Exco Pemuda UMNO. Beliau juga dipilih sebagai anggota Majlis Tertinggi UMNO bagi penggal 2008-2011.

Kali pertama Allahyarham Jamaluddin, yang juga Pengerusi Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA), bertanding sebagai calon ialah pada Pilihan Raya Umum 1990 iaitu bagi kerusi parlimen Rompin.

Dalam pertandingan itu, beliau mengalahkan calon PAS, Salim@Ahmad Awg Kalib dengan 13,128 undi majoriti, manakala pada pilihan raya umum lepas (Mei 2013), beliau dipilih sebagai Anggota Parlimen Rompin bagi penggal keenam setelah mengalahkan calon PAS, Nuridah Mohd Salleh, dengan majoriti 15,114 undi.

Allahyarham Jamaluddin berundur daripada TNB pada November 2002 setelah dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua tahun kemudian, beliau dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam rombongan Kabinet pertama Tun Abdullah Ahmad Badawi pada Januari 2004.

Tidak sampai dua bulan kemudian, Allahyarham dilantik sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi serta diberi tanggungjawab untuk menjayakan Program Angkasawan Negara bagi menghantar seorang rakyat Malaysia ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa dengan kapal angkasa Soyuz TMA-11.

Program yang diumumkan secara rasmi oleh Dr Mahathir pada 2003 itu merupakan program bersama antara Malaysia dan Persekutuan Rusia di bawah program perjanjian timbal balas kerajaan dengan kerajaan melalui pembelian jet pejuang Sukhoi SU-30MKM untuk Tentera Udara Diraja Malaysia.

Misi angkasa lepas pertama Malaysia itu terlaksana dengan Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor menjadi rakyat Malaysia pertama meneroka angkasa lepas pada 10 Okt 2007.

Pada 2009, Jamaluddin dilantik sebagai Duta Besar Malaysia di Amerika Syarikat bertaraf menteri.

Ketika menyandang jawatan itu, beliau memanfaatkan teknologi terkini untuk mendekatkan diri dengan penduduk di kawasan Parlimen yang diwakilinya, walaupun berada jauh di perantauan.

Pada satu majlis di Rompin, Jamaluddin merasmikan program bersama rakyat melalui sidang video dari Amerika Syarikat.

Semasa bertugas selama empat tahun di Washington, beliau berjaya meletakkan hubungan Malaysia-Amerika Syarikat di peringkat paling tinggi dalam sejarah negara ini.

Sebagai duta khas Malaysia di Amerika Syarikat pula, Allahyarham Jamaluddin berusaha gigih untuk meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara dan merintis jalan bagi lawatan Obama ke Malaysia tahun lepas.

Lawatan Obama itu merupakan kunjungan pertama presiden Amerika Syarikat dalam tempoh 48 tahun ke negara ini selepas lawatan Presiden Lyndon B. Johnson pada 1966.

Dilahirkan di Pekan, Pahang pada 25 Mei 1951, Allahyarham Jamaluddin meninggalkan seorang isteri, Puan Sri Dr Kalsom Ismail, serta tiga anak iaitu dua perempuan dan seorang lelaki.

-- BERNAMA

Jamaluddin made a difference, says Muhyiddin

BANGI: Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday praised the late Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis for his contributions as a public servant, saying his absence would be deeply felt by colleagues.

He said Jamaluddin, who was Rompin member of parliament and a former cabinet minister, had made a difference in the ministries he served, while demonstrating his skills as a top diplomat as a former

ambassador to the United States.

"JJ, as his close friends knew him, was extremely sharp.

"I visited him in the US when he was ambassador, and he was the kind of person who could meet anyone in Washington.

"He was a leader in the ministries he worked for, especially the Science, Technology and Innovation Ministry," said Muhyiddin, referring to Jamaluddin's tenure while over-

seeing the Angkasawan national space programme.

He extended his condolences to the families of the other five victims killed in the crash.

"We are still in shock. I hope the families can be strong and patient through this test by God. May their souls be blessed and placed among the righteous."

Earlier, Muhyiddin had taken to Twitter to express his grief.

"I am extremely saddened and shocked over the incident... I offer my condolences to the families of Tan Sri Jamaluddin, Datuk Azlin (Alias) and the others."

Jamaluddin, who was chairman of Perbadanan PR1MA Malaysia, Azlin and four others were flying back from Pekan, Pahang, to Subang when the AS365N2 Eurocopter Dauphin (9M-1GB) crashed in a rubber smallholding in Semenyih.

PRIME NEWS

REPORTS BY ADRIAN DAVID, ARNAZ M. KHAIRUL, ADIE SURI ZULKEFLI, T.N. ALAGESH, ROZANNA LATIFF, A. AZIM IDRIS, THARANYA ARUMUGAM, ILI LIYANA MOKHTAR, ILI SHAZWANI, KALBANA PERIMBANAYAGAM, ESTHER LANDAU, AVILA GERALDINE, ADRIAN LAI, ROBIN AUGUSTIN, ZAFIRA ANWAR, KHAIRAH N. KARIM AND FAZROL NASIR

Jamaluddin laid to rest

LAST RESPECTS: He was a visionary who was well liked, says national astronaut

SERI KEMBANGAN

It was a bright and sunny Sunday, but the mood at the home of the late Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis was decidedly grey and sombre, with family members and friends still in shock over his sudden death in a helicopter crash two days ago.

Visitors, ashen-faced and grief-stricken, arrived by the hundreds at the Rompin member of parliament's house here yesterday to pay their last respects.

The quiet buzzing on the grounds fell into a reverent hush when Jamaluddin's remains were brought home from Kuala Lumpur Hospital at 12.40pm.

Among the mourners were Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, who was accompanied by his wife, Datin Seri Rosmah Mansor, his daughter, Nooryana Najwa, and son-in-law, Daniyar Kessikbayev.

Najib spent about an hour with the family of Jamaluddin, who died on his way to Subang after



attending Nooryana and Daniyar's wedding in Pekan, Pahang.

Those present remembered Jamaluddin as a hard worker, whose sense of humour lightened the mood and put others at ease.

Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, who became the country's first astronaut during Jamaluddin's tenure as **science, technology and innovation minister**, said: "He was a positive and funny man. Everyone loved him. It's difficult to replace a visionary like him."

He added that he regretted not spending more time with Jamaluddin when they reconnected two months ago.

Jamaluddin, he said, encouraged him to pen a book on his journey to space.

"He advised me to be humble and make the country proud. I just



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak pouring rose water on the grave of Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis at the Heroes' Mausoleum near the National Mosque in Kuala Lumpur yesterday. Pic by Abdullah Yusof

completed writing the book, but I'm sad that I will not be able to give him a copy."

Former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad was shaken and teary as he recounted his memories of Jamaluddin, with whom he shared a close working relationship.

"Jamaluddin was an activist. He was with me for a long time in the cabinet, but I have not worked with him since I retired.

"The last time I saw him was in Langkawi during Lima (Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition), when he spoke to me about his housing projects.

"I extend my condolences to his family."

Former Malacca chief minister Tan Sri Mohd Ali Rustam said Jamaluddin was a friend of more than 20 years and often sought his insight into various issues.

All said the crash was shocking and unexpected, especially since he had once flown in the same

AS365 Dauphin helicopter, along with pilot Captain Cliff Fournier, who was also killed in Saturday's crash.

Other visitors included Sultanah of Pahang Sultanah Kalsom; Home Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; former minister and Lembah Pantai Umno chief Datuk Seri Raja Nong Chik Zainal Abidin; former Selangor menteri besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; former minister Tan Sri Dr Rais Yatim; Minister in the Prime Minister's Department Tan Sri Joseph Kurup; Wanita Umno chief Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, and; Land Public Transport Commission chairman Tan Sri Syed Hamid Albar.

Media Prima Bhd chairman Tan Sri Johan Jaaffar and Datuk Ahmad A. Talib were among those who helped carry Jamaluddin's remains into his residence.

His body was taken to the National Mosque, where funeral prayers were performed, and buried at the nearby Heroes' Mausoleum.

King extends condolences

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah and Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah yesterday conveyed their condolences to the families and friends of the victims of the Semenyih, Selangor, helicopter crash on Saturday.

Their majesties also expressed their sadness over the incident and hoped that the families and friends of the victims remained strong.

The message was conveyed in a statement issued by Datuk Pengelola Bilaya Diraja Istana Negara Datuk Wira Awang Kechik Abdul Rahman yesterday. Bernama

Jamaluddin's remains arrived in a white military hearse at 3.15pm. Najib arrived an hour later, accompanied by his wife and daughter.

Present were former prime minister Tun Abdullah Ahmad Badawi; Rural and Regional Development Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; International Trade and Industries Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed; Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim; Agriculture and Agribased Industries Minister Datuk Seri Ismail Sabri, and; Pahang Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaacob.

Jamaluddin was laid to rest at 5.35pm, next to the grave of former defence minister Tan Sri Hamzah Abu Samah. Jamaluddin's son, Ikhwani Hafiz, helped lower his father's remains into the ground.

The *talkin* (prayers for the dead) was recited by Masjid Negara Imam Besar Tan Sri Sheikh Ismail Muhammad.

VIPs and ordinary folks attend Jamaluddin's funeral

KUALA LUMPUR: Puan Sri Dr Kalsom Ismail, the widow of Tan Sri Jamaluddin Jarjis, had few words to say after his funeral at the National Mosque here.

"I'm not ready to speak." And that was all she said.

The funeral was attended by dignitaries from Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak to ordinary people such as cancer survivor Rahana Mahamud, 54, who was touched by how Jamaluddin had visited her at home in Pahang after her surgery in 2012.

When the casket was carried into the mosque, Jamaluddin's son Ikhwan Hafiz was

among the pallbearers, besides men from the ceremonial battalion of the 1st Royal Malay Regiment.

The 63-year-old former minister and ambassador was laid to rest at the Heroes Mausoleum at 5.50pm.

Earlier at Jamaluddin's house, friends, relatives and VIPs crowded the place to pay their last respects.

Among them was Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, who described Jamaluddin, fondly known as JJ, as a polished diplomat.

"I remember making trips to the United

States where he was the Malaysian ambassador once," he said.

"It was clear he was skilled in diplomacy because he could hold discussions with just about anyone in Washington DC."

Astronaut Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor remembered Jamaluddin as the person who sent him to space. (Jamaluddin was the Science, Technology and Innovation Minister then.)

"On the occasions that we would go jogging together, I always ended up laughing so much. The laughter alone felt like a workout," he recalled.

At the Kuala Lumpur Hospital mortuary earlier, the air was solemn as friends and family members gathered.

There was heightened security to ensure that they could mourn in private.

At 11am, Ikhwan Hafiz walked out of the mortuary, telling the press that "hospital officials have officially identified the body of my father."



See Nation Page 19
for another
related story

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 06 APRIL 2015 (ISNIN)

TNB needs to conserve water at dam for the dry season

KUALA LUMPUR: The Temengor Dam water level may be too high for the orang asli to return to their homes but it cannot be reduced fast because of the need to conserve water for the dry season.

Tenaga Nasional Bhd said the water from the dam had to be released very gradually in view of the expected drought from June to October which could cause the inflow of water to dwindle.

"The water is being released very gradually because The Me-

teorological Department has informed us that the dry season will start some time in June, if not earlier," said Tenaga corporate affairs and communications senior general manager Datuk Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Some orang asli houses in Kampung Chuweh and Kampung Tebang Lama in Gerik, Perak, remain totally submerged three months after the floods that hit several states in December due to the high water level at the dam.

The villagers fear they will suffer floods again during the monsoon season even though they are on higher ground.

Aminuddin said the current water level was within the range for generating electricity.

"The level must be maintained between 237m and 248.4m for the generator to produce electricity.

The level as of March 23 was 247.04m compared with between 241m and 242m last year.

"In the past, we made it known to

the relevant authorities on the risk to the orang asli settlements located within the dam's water operating levels," he said.

He said that if the water level was too low, the Temengor Dam could not discharge water to produce electricity and it would also have a major impact on the Bersia, Kenering and Chenderoh cascading dams below it.

There would not be enough water from the Temengor Dam to flow to the three dams for release to rivers

downstream which are sources of water for the Perak Water Board and the Department of Drainage and Irrigation, he added.

Aminuddin said Tenaga expected the water to recede to the level before the floods in May or June.

The Temengor Dam generates 348 megawatt of electricity.

When the floods occurred from last December to early January, water from the Temengor Dam rose sharply and had to be released through the spillway.